



**KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

17 Mac 2020

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan tersebut di negara ini.
2. Pada hari ini, 17 Mac 2020, **2** kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 56 orang.**
 - Kes #55, berumur 21 tahun ialah kes generasi kedua kepada kluster tabligh di Kuala Lumpur di mana kes ini telah dijangkiti bukan secara langsung dari jemaah tabligh yang menghadiri perkumpulan di Kuala Lumpur tetapi melalui satu kes yang mempunyai kaitan rapat dengan jemaah tabligh. Kes ini sedang menjalani pengasingan di Pusat Pengasingan Kebangsaan, Tutong.
 - Kes #56, ialah seorang lelaki warga tempatan berumur 17 tahun. Kes ini tidak menyertai perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur tetapi telah menghadiri satu perjumpaan tabligh pada 5 Mac 2020 di Negara Brunei Darussalam yang juga telah turut dihadiri oleh beberapa orang jemaah yang telah berada di perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur.

3. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa semua kes-kes yang telah disahkan sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Pada masa ini, dua orang dalam keadaan kritikal, memerlukan bantuan mesin pernafasan dan sedang dirawat di Unit Rawatan Intensif di Pusat berkenaan. Sementara itu, satu kes lagi memerlukan pemantauan rapi dan selebihnya di dalam keadaan baik dan stabil.
4. Kementerian Kesihatan pada masa ini masih giat menjalankan penyiasatan kontek bagi setiap kes di mana setakat ini, seramai 1,257 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Dalam pada itu, seramai 23 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan adalah di dalam keadaan yang baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 1,536 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
5. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan mengenai 9 orang jemaah tabligh dari Negara Brunei Darussalam yang masih berada di Kuala Lumpur di mana kesemuanya telah menjalani ujian makmal COVID-19. 4 orang telah disahkan positif dan seorang disahkan negatif; mereka sedang menjalani rawatan di Hospital Sungai Buloh dan Hospital Besar Kuala Lumpur. Sementara itu, 4 orang lagi masih menunggu keputusan ujian dan sedang menjalani kurantin di Masjid Jamek Seri Petaling, Selangor.
6. Berikutan pengumuman mengenai penutupan beberapa premis semalam, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa semua pawagam-pawagam juga akan turut ditutup bermula esok, hari Rabu 18 Mac 2020.

7. Kementerian Kesihatan juga telah meneliti semula langkah-langkah pengawalan kemasukan pelawat-pelawat seperti berikut:
- i) Mengekalkan larangan kemasukan ke Negara Brunei Darussalam bagi pelawat-pelawat yang tiba dari wilayah Hubei di Republik Rakyat China dan Republik Islam Iran, dan memperluaskannya kepada seluruh Eropah, termasuk United Kingdom. Larangan ini adalah bagi mereka yang tiba dari negara-negara berkenaan dalam tempoh 14 hari sebelum tarikh ketibaan ke negara ini dan dikecualikan bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.
 - ii) Mengkehendaki sesiapa yang tiba di negara ini dari mana-mana negara untuk menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari sebaik sahaja tiba ke Negara Brunei Darussalam. Ini bermakna *risk categorization* bagi negara-negara yang terjejas oleh COVID-19 tidak lagi digunakan.
8. Dalam pada itu, mana-mana warga asing yang tinggal di luar Negara Brunei Darussalam dan berulang-alik untuk berkerja di negara ini melalui jalan darat ATAU sesiapa yang tinggal di negara ini dan berulang-alik untuk berkerja di luar negara dan yang memohon ke Jabatan Perdana Menteri untuk keluar atau masuk dari Negara Brunei Darussalam melalui jalan darat, akan diberikan kebenaran selama sebulan sahaja dan boleh memohon semula jika perlu.
9. Bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam tidak perlu membuat permohonan untuk keluar masuk dari negara ini bagi tujuan perdagangan atau penghantaran barangan. Begitu juga syarikat-syarikat luar negara yang keluar masuk dari negara ini bagi tujuan perdagangan adalah tidak disekat.

10. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

11. Dalam kesempatan ini, Kementerian Kesihatan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua *frontliners*, pegawai dan kakitangan dari semua kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang telah bertungkus-lumus dalam sama-sama melaksanakan langkah-langkah pengawalan jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Tidak lupa juga penghargaan ini untuk pihak persendirian termasuk sukarelawan dan pihak swasta yang telah memberikan tenaga dan sumbangan dalam membantu pihak Kerajaan menangani wabak ini. Semoga kerjasama dan kolaborasi semua pihak ini akan mendapat keberkatan dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan membawa kejayaan besar untuk negara kita Brunei Darussalam, In sha Allah.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2
Tarikh : 22 Rejab 1441H / 17 Mac 2020M